

Visi, Kerangka MADANI asas dasar pentadbiran negara

BH - 18/11/2023 mlk: 4



Ismail menunjukkan buku *Membangun Negara MADANI*. (Foto BERNAMA)

Enam rukun digarap untuk bina Malaysia jadi lebih baik

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Shah Alam: Visi dan Kerangka MADANI yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hasil pengalaman politik dan pentadbiran selama lebih 50 tahun, bakal menjadi asas dasar pentadbiran negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Berteraskan enam rukun, iaitu 'keMampanan', 'kesejAhteraan', 'Daya cipta', 'hormAt', 'keyakiNan' dan 'Ihsan', 'MADANI' digarap dengan keinginan dan hasrat untuk melihat kembali kepada identiti, kebudayaan dan kemampuan sendiri dalam membina Malaysia yang lebih baik.

Rukun 'Kemampanan' dalam kerangka 'MADANI', membawa takrifan yang berbeza daripada maksud konvensional dengan merujuk kepada kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang di antara manusia dan alam, berasaskan kepada keunikan Malaysia.

Ia diikuti rukun 'Kesejahteraan', yang mengambil kira sikap baik dan mampan serta mengimbangi di antara keperluan jasmani dan rohani.

Rukun 'Daya cipta' akan mewujudkan proses perubahan berterusan, mendapak dan memperkasa kreativiti rakyat ke arah negara yang menyediakan

persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju.

Kalimat 'Hormat' pula menekankan kepada aspek maruah manusia, adab serta prinsip memperlakukan orang lain sebagaimana seseorang itu mahu diperlakukan, dengan tumpuan khusus kepada hak asasi manusia dan maruah.

Rukun 'Keyakinan', menuntut kepada perilaku amanah, kepercayaan serta kebertanggungjawaban, manakala rukun 'Ihsan', membawa hasrat tanggungjawab sosial yang menyeluruh, bukan semata-mata suatu rasa yang hadir secara sepintas lalu, sebaliknya ia menyelami penderitaan dan kesusahan individu lain dan mencari penyelesaian untuk menanganinya.

Semua rukun itu akan mengambil kira lapan elemen dalam merangka sesuatu dasar, iaitu ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar serta luar bandar.

'MADANI' juga menyentuh soal pemantauan pelaksanaan dasar yang digubal serta institusi pemberdayaannya.

Pelan hala tuju bina negara

Mengenai Wacana Membangun Negara MADANI dan amanat Perdana Menteri yang akan disampaikan Anwar pada majlis esok, Pengarah Eksekutif Institut Darul Ehsan (IDE), Datuk Ismail Yusop, berkata semua rukun berkenaan terkandung dalam nukilan bertajuk *Membangun Negara MADANI*.

Ia juga terkandung dalam *Script: For A Better Malaysia*

yang dijangka digunakan untuk membawa kerangka dasar dalam pembentukan negara bangsa pasca-PRU15.

"Buku itu dihasilkan melalui perkongsian pengalaman dengan individu yang rapat dengan Anwar dan kemudian diperincikan menjadi pelan hala tuju pembinaan negara bangsa sejak sebelum beliau terpilih menerajui negara pada 24 November lalu.

"Ketika Pakatan Harapan (PH) menang (PRU14), walaupun ketika itu beliau tiada dalam kerajaan, Anwar terfikir seandainya beliau memimpin negara, apa yang mahu dibawakan," katanya dalam temu bual bersama *BH*, baru-baru ini.

Ismail berkata, Anwar kemudian memanggil rakan dan mereka yang rapat dengannya untuk dikongsikan apa visi dan hala tujunya untuk Malaysia sekiranya ditakdirkan memimpin negara.

"Ketika itu, beliau berkongsi buku yang dibaca, tulisannya, pengalaman sebagai pemimpin pelajar, dalam pentadbiran dan memimpin organisasi, teks ucapan, komunikasi ketika dipenjarakan selama 10 tahun. Semua itu dihimpunkan dengan beberapa pakar, termasuk dari luar negara," katanya.

Beliau memaklumkan, semua bahan itulah yang dirumuskan menjadi sebuah naskhah dinamakan 'MADANI' dengan mengambil kira latar belakang tempatan.

Melalui 'MADANI', katanya, Perdana Menteri berhasrat untuk melihat pembabitan bersama pemimpin dan masyarakat untuk membangunkan Malaysia menjadi negara lebih baik berdasarkan acuan sendiri, mengambail iktibar daripada buda-

ya, sejarah dan kemampuan serta kebolehan sedia ada.

Ismail berkata, ia berbeza dengan kebiasaan pentadbiran sebelum ini yang selalunya cenderung merujuk kepada model demokrasi dari timur, mahupun barat.

"Namun, belum pernah dalam sejarah pembinaan negara kita, apabila kita duduk melihat diri kita, menggunakan kekuatan dalam kita. Selama lebih 65 tahun (merdeka), kita sudah mempunyai budaya serta kepakaran sendiri dan yang nak dibangunkan ini adalah negara kita.

"Jadi, mengapa kita tidak duduk sebentar untuk melihat apa intipati atau elemen yang diperlukan bagi membina negara ini?" katanya.

Naskhah panduan pemimpin

Biarpun buku berkenaan sudah dilancarkan ketika Anwar menjadi Ketua Pembangkang, beliau berkata, Perdana Menteri berhasrat naskhah berkenaan dijadikan panduan pemimpin dan mereka yang dipimpin.

"Untuk sesiapa pun yang menjadi pemimpin utama negara atau pemimpin akan datang, jika mereka benar-benar mahu melihat Malaysia menjadi negara maju, gunakan kandungan serta visi dan kerangka itu sebagai pandu arah pemimpin dan yang dipimpin," katanya.

Menurut Ismail, Perdana Menteri melihat pembinaan negara, walaupun bermula dengan

kepemimpinan, yang menentukan pemimpin itu pada akhirnya adalah rakyat.

Katanya, situasi melanda negara sejak dua tahun lalu apabila Malaysia terpaksa berdepan pandemik COVID-19, kemerosotan ekonomi, politik tidak stabil serta bencana alam seperti banjir besar, membawa negara ke fasa pascanormal atau keadaan baharu yang tidak menentu serta sentiasa berubah-ubah.

"Ia mengajar kita untuk memahami bahawa situasi sebegini memerlukan kita mentafsirkan nilai penting yang menjadi dasar kepada pembinaan negara ini.

"Contohnya, apabila melihat kepada (rukun) 'Kemampanan' itu, kita sudah tidak lagi boleh melihat kepada takrifan konvensional kerana dinamik yang kita hadapi ketika ini dalam pascanormal, situasinya selalu tidak boleh diramalkan. Perubahan berlaku dengan tidak menentu, cepat, pantas," katanya.

Mengenai program esok, Ismail berkata, Anwar akan melancarkan buku berkenaan yang datang dalam bentuk baharu, berbeza daripada versi buku meja kopi sebelum ini.

Katanya, Wacana Membangun Negara MADANI akan diadakan sebelum sesi Amanat Perdana Menteri dan pihaknya menjangkakan lebih banyak wacana diadakan di setiap peringkat selepas ini untuk melihat cara terbaik bagi pembangunan negara dengan pembabitan semua pihak.